

18/02/2003

## Deklarasi KL nyata pendirian antiperang

KUALA LUMPUR: Deklarasi Kuala Lumpur yang akan dikeluarkan pada hari terakhir Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) ke-13 di sini pada 25 Februari ini, akan menyatakan pendirian tegas antiperang 114 negara anggotanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan mempengerusikan sidang kemuncak itu berkata, peperangan bukan penyelesaian terbaik kepada konflik antarabangsa termasuk di Iraq.

"Sudah tentu pendirian itu nanti berkaitan dengan antiperang," katanya ketika ditanya mengenai bentuk Deklarasi Kuala Lumpur yang akan dikeluarkan pada sidang itu nanti.

Sidang Kemuncak NAM ke-12 di Durban, Afrika Selatan pada 1998 menekankan perlunya orde dunia yang adil dan bebas daripada langkah unilateral.

Pendirian itu dibuat tiga tahun sebelum serangan 11 September 2001 di Amerika Syarikat, yang 'mencetuskan perang terhadap keganasan'.

Semua 114 negara anggota NAM dalam Deklarasi Durban juga mahukan dunia yang bebas daripada senjata kemusnahan sejagat, khasnya senjata nuklear.

Terdahulu, Dr Mahathir menyaksikan raptai penuh majlis perasmian Sidang Kemuncak NAM di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Perasmian akan diadakan Isnin depan manakala mesyuarat peringkat pegawai (SOM) bermula Khamis ini, diikuti mesyuarat peringkat menteri.

Selain Deklarasi Kuala Lumpur, sidang NAM kali ini juga dijangka mengeluarkan kenyataan khas mengenai Iraq dan Palestin, selain kenyataan bersama pemimpin pada akhir mesyuarat yang berkemungkinan besar turut merangkumi isu ekonomi dan globalisasi.

Dr Mahathir berkata, fokus sidang NAM kali ini adalah bagi membincangkan bahawa perang tidak seharusnya dijadikan instrumen untuk menyelesaikan pertikaian di antara negara.

Walaupun pendirian Amerika dan Britain kelihatan semakin lembut terhadap rancangan menyerang Iraq, beliau berkata, apa yang ingin diketahui ialah sejauh mana lembutnya pendirian itu.

Kelmarin, Amerika dan Britain memulakan usaha baru untuk merangka semula satu draf resolusi membenarkan kekerasan dilancarkan terhadap Iraq sesudah dikejutkan oleh sentimen antiperang yang memuncak di seluruh dunia, termasuk di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Agensi berita asing memetik diplomat sebagai berkata, resolusi itu mungkin menggunakan bahasa lebih kabur dan tidak secara ketara menuntut supaya serangan dilancarkan.

Perdana Menteri berkata, Amerika Syarikat dan sekutunya akan tetap mencari alasan untuk menyerang Iraq walaupun pasukan pemeriksa senjata akhirnya tidak mendapat sebarang bukti bagi mengaitkan Baghdad dengan senjata pemusnah itu.

"Contohnya, jika mereka kata bahawa pemeriksa senjata diberi lebih masa dan andainya pemeriksa senjata mendapati tiada sebab untuk berperang, maka itulah kesudahannya. Tetapi akhirnya berperang juga dan sudah tentu kita tidak bersetuju.

"Apa yang menghairankan kita ialah mereka bersikap jika tiada senjata pemusnah dijumpai, maka Iraq (dituduh) menyembunyikannya. Jadi ia sangat sukar. Macam mana sekalipun, Iraq tetap akan menerima (padah) kerana jika mereka (pasukan pemeriksa senjata PBB) tidak menemuinya (senjata pemusnah), ia tentu disembunyikan. Ini saya tidak faham," katanya.

Beliau berkata, Iraq terpaksa berada dalam keadaan di mana ia perlu

`membuktikan ia memiliki senjata pemusnah' jika mahu mengelakkan peperangan.

Katanya, walaupun tempoh pemeriksaan senjata dilanjutkan setahun atau dua tahun lagi, Amerika dan Britain tetap mahu memastikan senjata seperti itu dijumpai di Iraq, sedangkan wujud bukti Iraq sudah memusnahkan kebanyakan daripada senjata pemusnah yang dimilikinya, dan sudah disahkan oleh pasukan pemeriksa sebelum ini.

"Nyata sekali bagi Iraq untuk mengelak diserang ialah mengeluarkan senjata pemusnah, maka ketika itu barulah mereka puas," katanya.

Mengenai kenyataan Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki bahawa Kuala Lumpur sememangnya layak untuk mengambil alih sebagai pengerusi pergerakan itu, Dr Mahathir berkata memang Malaysia yakin untuk memimpin NAM bagi tempoh tiga tahun akan datang.

Mbeki dalam temu ramah khas dengan akhbar New Straits Times berkata, Afrika Selatan gembira Malaysia dapat menjadi tuan rumah sidang kemuncak itu dan Dr Mahathir boleh memberikan kepimpinan yang diperlukan bagi pergerakan itu untuk menghadapi cabaran semasa.